**ZAZLIN ZAHIRA HJ. KAMARULZAMAN (BUDAK) MENUNTUT MELALUI BAPA DAN PENJAGANYA HJ. KAMARULZAMAN BIN MOHD ALI**

**lwn.**

**LOUIS MARIE NEUBE RT. AMBROSE A/L J. AMBROSE & 2 LAGI**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATUK HJ. MOKHTAR BIN HJ. SIDIN H.
[GUAMAN SIVIL NO. S5-21-47-1988]
23 SEPTEMBER 1994

***TORT: Guru dan murid - Penyeliaan murid di dalam bilik darjah - Kewajipan berjaga-jaga - Samada guru memikul kewajipan berjaga-jaga terhadap keselamatan murid - Kecederaan murid sewaktu kelas muzik -Samada disebabkan kecuaian guru - Samada kelas muzik sesuatu yang merbahaya - Samada guru bertindak dengan munasabah - Samada penyeliaan oleh guru cukup dan memadai.***

Defendan pertama adalah seorang guru muzik di sebuah sekolah manakala plaintif adalah seorang murid darjah satu di sekolah tersebut. Pada hari dan waktu material, defendan pertama telah mengajar muzik bertajuk "gerabak keretapi" kepada murid-muridnya, di mana murid-murid tersebut, termasuk plaintif, diarah membuat beberapa pergerakan mengikut rentak muzik, termasuklah memasukkan bangku tempat duduk mereka di bawah meja tulis masing-masing dan seterusnya bergerak seperti sebuah "gerabak keretapi" mengelilingi bilik darjah berkenaan. Keterangan menunjukkan bahawa sebelum memulakan pergerakan tersebut defendan pertama telah mengingatkan murid-muridnya supaya jangan tolak menolak, berlari ataupun keluar dari barisan.

Plaintif telah terjatuh semasa membuat pergerakan yang diarahkan mengakibatkan tangan kanannya patah dan menuntut gantirugi atas kecederaan tersebut melalui bapanya yang juga penjaganya. Isu yang timbul ialah samada defendan pertama mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif dan jika demikian, samada dalam halkeadaan kes ini, kecederaan tersebut disebabkan oleh kecuaian defendan pertama dalam menyelia dan mengendalikan kelas muzik berkenaan.

**Diputuskan:**

**[1]** Sebagai seorang guru, defendan pertama mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap plaintif dan berkewajipan untuk bertindak dengan cara yang munasabah bagi menjaga keselamatan murid-murid di bawah penyeliannya. Namun begitu tahap penyeliaan di dalam bilik-bilik darjah oleh guru-guru adalah bergantung kepada keadaan sesuatu kes dengan mengambilkira faktor-faktor tertentu seperti umur murid-murid dan apa yang sedang mereka lakukan.

**[2]** Dalam kes ini untuk menentukan samada defendan pertama cuai dalam kewajipannya, perlulah diputuskan samada kelas muzik yang berkenaan itu satu kelas yang merbahaya yang boleh menyebabkan kecederaan kepada murid-murid. Fakta kes menunjukkan bahawa dalam kes ini tidak ada perkakas merbahaya diberikan kepada murid-murid oleh defendan pertama, dan oleh hal yang demikian, tidak ada alasan untuk mengatakan bahawa kelas berkenaan satu kelas yang merbahaya yang memerlukan penjagaan atau penyeliaan yang luarbiasa rapinya.

**[3]** Didalam sesuatu kelas biasa yang tidak merbahaya dan tidak boleh diramalkan

mendatangkan apa-apa kecederaan, sepertimana halnya dengan kelas muzik dalam kes ini, tidak perlu arahan atau amaran diberikan pada setiap kali kelas tersebut hendak dimulakan dan adalah memadai pengawasan biasa dibuat oleh guru berkenaan. Defendan pertama dalam kes ini, sebelum memulakan kelas tersebut, telah mengingatkan murid-muridnya supaya jangan tolak menolak, berlari ataupun keluar dari barisan. Dalam halkeadaan ini, arahan-arahan sedemikian adalah cukup dan memadai untuk menunjukkan tidak berlaku kecuaian di pihak defendan.

*[Tuntutan ditolak].*

**Kes-Kes yang dirujuk:**
*Abraham v. Choo Jit Fung & Anor. [1966] 1 MLJ 97* ***(dibezakan)***
*Government of Malaysia & Ors. v. Jumat bin Mahmud & Anor. [1977] 2 MLJ 103* ***(diikuti)***
*Mohamed Raihan bin Ibrahim & Anor. v. Government of Malaysia & Ors. [1981] 2 MLJ 27* ***(diikuti)***

*Bagi pihak plaintif - Karpal Singh (M. Manoharan bersamanya); T/n. Karpal Singh & Co.*
*Bagi pihak defendan-defendan - Alizatul Khair, Peguam Kanan Persekutuan*

## ALASAN PENGHAKIMAN

**Hj. Mokhtar Bin Hj. Sidin H:**

Ini adalah tuntutan daripada plaintif ke atas ketiga-tiga defendan di atas kecederaan yang dialami oleh plaintif pertama semasa ia berada di sekolah. Oleh kerana plaintif pertama semasa mengambil tindakan ini di bawah umur ia mengambil tindakan ini melalui bapanya iaitu plaintif kedua. Defendan pertama adalah guru darjah di mana kejadian itu berlaku. Defendan kedua pula ialah guru besar sekolah di mana kejadian itu berlaku. Defendan ketiga pula ialah Kerajaan Malaysia iaitu majikan kepada defendan pertama dan kedua.

Mengikut keterangan yang telah diberikan, pada 19 Mac 1985 plaintif pertama yang pada masa itu berumur lebih Kurang tujuh tahun, pelajar Darjah Satu T di Sekolah Kebangsaan Taman Selayang, Selayang. Beliau baru sahaja tiga bulan masuk ke sekolah tersebut. Pada hari tersebut di sebelah pagi (masa sebenar didapati pertikaian di antara plaintif dan defendan, walau bagaimanapun ini tidak mustahak) beliau berada di bilik darjah untuk kelas muzik yang diajar oleh defendan pertama. Tidak dipertikaikan bahawa kelas muzik adalah satu mata pelajaran di dalam darjah tersebut apabila sistem KBSR diperkenalkan ke semua sekolah pada tahun 1984. Juga tidak dipertikaikan bahawa defendan pertama adalah seorang guru muzik yang terlatih setelah menghadiri beberapa kursus di sekolah-sekolah dan maktab-maktab apabila sistem KBSR akan dan telah diperkenalkan. Defendan pertama juga telah dilatih cara-cara mengajar muzik di sekolah-sekolah. Beliau juga seorang guru lepasan maktab yang menunjukkan ia seorang yang terlatih. Juga tidak dipertikaikan murid yang berada di dalam Kelas Satu T berjumlah 39 orang. Mengikut keterangan, yang juga tidak dipertikaikan, bahawa pada hari tersebut defendan pertama telah mengajar muzik bertajuk "Gerabak Keretapi" di mana semua murid darjah Satu T mengambil bahagian. Defendan pertama telah memberi arahan bagaimana pergerakan murid-murid mengikut rentak muzik. Adalah jelas dari keterangan kedua-dua belah pihak bahawa defendan pertama telah mengarahkan murid-murid memasukkan bangku tempat duduk di bawah meja tulis masing-masing dan pergerakan "gerabak keretapi" mengelilingi meja-meja murid dan bukan mencelah di antara meja. Semasa muzik dimainkan murid-murid memulakan pergerakan gerabak keretapi dari belakang bilik

darjah berjalan keliling bilik darjah. Apabila tamat satu pusingan dan semasa gerabak keretapi berada di belakang bilik darjah iaitu tempat permulaan, plaintif pertama telah terjatuh dan akibatnya tangannya telah patah. Adalah jelas kepada saya bahawa semasa membuat gerabak tiap-tiap murid dikehendaki memegang bahu murid di hadapannya. Apabila defendan pertama sedar bahawa plaintif pertama terjatuh dan cedera serta menangis defendan pertama telah membantu plaintif pertama untuk berdiri dan memimpinnya ke meja guru di mana tangan plaintif pertama telah diletakkan di atas meja guru. Dia kemudian meminta bantuan dari seorang lagi guru untuk membungkus tangan plaintif pertama dengan surat khabar supaya jangan bengkok. Defendan pertama juga telah memberitahu guru besar sekolah tersebut (SD2) yang telah mengarahkan defendan pertama dan guru yang seorang lagi membawa plaintif pertama ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Guru besar sekolah tersebut telah memberitahu ibubapa plaintif pertama. Di hospital plaintif pertama telah dimasukkan ke wad kecemasan ditunggu oleh defendan pertama dan guru yang seorang lagi sehingga ibubapa plaintif pertama sampai. Selepas itu defendan pertama dan guru yang seorang lagi balik ke sekolah untuk meneruskan tugas mereka.

Tidak dipertikaikan bahawa tangan kanan plaintif pertama telah patah semasa ia terjatuh itu dan tangannnya dibungkus dengan plaster of paris. Ia juga telah dimasukkan ke dalam wad selama satu malam. Akibat kemalangan itu tangan kanan plaintif pertama dibedah dan terdapat parut di tempat pembedahan tersebut. Plaintif pertama juga telah menyatakan bahawa tangan kanannya selepas kejadian itu telah lemah dan ia tidak boleh memulis lama-lama dengan tangan tersebut. Tangan tersebut juga didapati pendek sedikit.

Plaintif telah mengambil tindakan ke atas defendan di atas kejadian tersebut dan menuntut gantirugi. Adalah jelas kepada saya setelah perbicaraan dijalankan tuntutan plaintif tidak melebihi RM25,000. Mengikut jumlah tuntutan itu ianya adalah tuntutan di dalam bidangkuasa Mahkamah Majistret. Saya telah bertanya kepada Peguam plaintif kenapa tindakan ini di Mahkamah Tinggi dan bukannya di Mahkamah Majistret. Peguam sendiri tidak dapat memberi jawapan. Oleh kerana memandangkan perbicaraan kes ini telah dijalankan dan kes ini adalah satu kes yang lama iaitu kes tahuh 1988 saya telah meneruskan perbicaraan kes ini. Walau bagaimanapun saya telah memberitahu Peguam plaintif bahawa sekiranya plaintif berjaya di dalam tuntutannya ia hanya berhak mendapatkan kos yang diberikan di dalam Mahkamah Majistret.

Di dalam penyata tuntutannya plaintif telah menimbulkan kecuaian yang telah dilakukan oleh defendan pertama dan kedua. Walau bagaimanapun di dalam keterangan dan penghujahan plaintif hanya menimbulkan kecuaian defendan pertama sahaja seperti berikut:

(a) Defendan pertama tidak memberi arahan dan taklimat yang secukupnya sebelum muzik dimainkan;

(b) Defendan pertama tidak memberi arahan atau amaran supaya murid-murid tidak tolak-menolak atau berlari-lari dan keluar dari barisan semasa gerakan mengikut rentak muzik; dan

(c) Defendan pertama tidak memberi penyeliaan yang mencukupi supaya tidak ada kemalangan berlaku.

Plaintif tidak meneruskan yang lain setelah mendengar keterangan bahawa semasa

kejadian itu berlaku bukanlah murid-murid sedang melaku satu permainan tetapi mengambil bahagian dalam kelas muzik yang biasanya diadakan dalam bilik darjah itu sendiri. Adalah jelas bahawa semasa bergerak murid-murid bukanlah mencelah-celah antara meja-meja dan bangku-bangku, tetapi di tempat lapang mengelilingi meja-meja dan bangku-bangku. Adalah jelas defendan pertama telah mengajar muzik sebagaimana ia dilatih.

Pihak plaintif di dalam penghujahannya telah menyatakan bahawa di dalam sesuatu kes di mana melibatkan kanak-kanak yang masih mentah tidak ada "contributory negligence". Ia telah merujuk kepada kes *Abraham v. Choo Jit Fung & Anor.* [1966] 1 MLJ 97. Pada pendapat saya apa yang dinyatakan oleh Mahkamah di dalam kes tersebut bahawa adalah jelas mengikut keterangan bahawa kecuaian sepenuhnya ke atas defendan kerana kelakuan kanak-kanak di dalam kes tersebut adalah seperti kanak-kanak biasa apabila melintasi jalan. Prinsip bahawa yang menyatakan tidak ada "contributory negligence" tidaklah benar. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa kes tersebut tidak terpakai di dalam kes pada hari ini kerana fakta yang berlainan.

Di dalam kes pada hari ini saya berpendapat bahawa prinsip yang dinyatakan di dalam kes *Government of Malaysia & Ors. v. Jumat bin Mahmud & Anor.* [1977] 2 MLJ 103 adalah terpakai. Prinsip itu dinyatakan oleh Y.A. Raja Azlan, HMP (ia semasa itu) di muka surat 104 seperti berikut:

> It is accepted that by reason of the special relationship of teacher and pupil, a school teacher owes a duty to the pupil to take reasonable care, for the safety of the pupil. The duty of care on the part of the teacher to the plaintiff must commensurate with his/her opportunity and ability to protect the pupil from damages that are known or that should be apprehended and the duty of care required is that which a careful father with a very large family would take of his own children (see *Ricketts v. Erith Borough Council*). It is not a duty of insurance against harm but only a duty to take reasonable care for the safety of the pupil. The duty is aptly described by the learned Chief Justice of Victoria in the judgment of the Full Court in *Richards v. State of Victoria* when he said:
>
> > The duty of care owed by (the teacher) required only that he should take such measures as in all the circumstances were reasonable to prevent physical injury to (the pupil). This duty not being one to insure against injury, but to take reasonable care to prevent it, required no more than the taking of reasonable steps to protect the plaintiff against risks of injury which *ex hypothesi* (the teacher) should reasonably have foreseen.
>
> In that case the plaintiff suffered brain damage as a result of a fist fight which occurred at a High School in a classroom and in the presence of a teacher. Evidence suggested that the particular teacher had some difficulties in maintaining discipline in the past and that, on the day in question, the blow which caused serious injuries to the plaintiff had been preceded by an argument, a scuffle, and then a fight.
>
> The law does not attach strict liability on a school teacher for the torts of his/her pupil, but only on proof that he/she had failed to exercise reasonable care in controlling the pupil such as would have avoided the injury to the plaintiff. Since that is a matter of evidence and inference, great care needs to be taken to see that the breach of the duty of care must be causally related to the injury received.
>
> In the present case, in considering whether or not the appellants were in breach of their duty of care to the plaintiff it was necessary for the trial Judge to consider first whether the risks of injury to the plaintiff were reasonably foreseeable and secondly, assuming

it was, whether the appellants took reasonable steps to protect the plaintiff against those risks. ...

Berasaskan prinsip yang dinyatakan di atas saya sekarang meneliti keterangan sama ada defendan pertama telah cuai di dalam menjalankan penyeliaan dan pengawasan untuk menghindar kecederaan yang dialami oleh plaintif pertama. Eloklah saya mengambil keterangan plaintif pertama tanpa mengambilkira keterangan defendan sama ada plaintif telah berjaya membuktikan kecuaian defendan pertama. Plaintif pertama telah menyatakan bahawa sebelum pergerakan mengikut muzik defendan pertama tidak ada memberi pesanan atau arahan supaya murid-murid tidak berlari atau tolak-menolak semasa melakukan gerakan mengikut muzik tersebut. Perlu diingat di sini bahawa tiap-tiap kelas muzik diadakan di dalam bilik darjan sendiri dan ini bukanlah kelas muzik yang diadakan bagi darjah tersebut kerana kelas muzik merupakan satu mata pelajaran di dalam sistem KBSR. Adakah kelas muzik itu merupakan satu kelas yang boleh diramalkan satu kelas yang merbahaya yang boleh menyebabkan kecederaan kepada murid-murid? Apa yang jelas kepada saya perkakas yang digunakan semasa kelas tersebut ialah keset dan radio keset di mana murid-murid tidak terlibat langsung dengan perkakas tersebut. Dengan itu adalah jelas kepada saya tidak ada perkakas yang merbahaya yang telah diberikan kepada murid-murid bahkan tidak ada perkakas langsung yang telah diberikan kepada murid-murid. Dengan itu adakah pesanan dan arahan untuk tidak berlari dan tolak-menolak perlu diberi pada setiap kali kelas muzik diadakan mengambilkira bahawa kelas muzik telah selalu diadakan sebelum daripada itu.

Penyeliaan di dalam bilik-bilik darjah oleh guru-guru bergantung kepada keadaan sesuatu kes itu mengambilkira umur murid-murid berkenaan dan apa yang sedang mereka lakukan. Ini dinyatakan oleh Y.A. Salleh Abas, HMP (ia semasa itu) di dalam kes *Mohamed Raihan bin Ibrahim & Anor. v. Government of Malaysia & Ors.* [1981] 2 MLJ 27 di mana ia berkata:

It is settled law that a school teacher is under a duty to exercise supervision over his pupils when they are in the school premises, either in the classroom or the playground. The degree of supervision depends on the circumstances of each case, such as the age of the pupils and what they are doing at the material time. If the teacher knows that the pupils are engaged in doing acts which are likely to cause injuries to one another, the teacher is under a duty to take steps to ensure the safety of the acts. ...

Mengambil prinsip yang telah dinyatakan di atas adalah jelas kepada saya bahawa di dalam sesuatu kelas biasa yang tidak merbahaya dan tidak boleh diramalkan mendatangkan apa-apa kecederaan seperti di dalam kelas matematik atau muzik, pada pendapat saya tidak perlu arahan atau amaran diberikan pada setiap kali kelas tersebut hendak dimulakan. Pada pendapat saya adalah memadai pengawasan biasa dibuat oleh guru berkenaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.A. Raja Azlan, HMP (ia semasa itu) di muka surat 105 di dalam kes *Government of Malaysia & Ors. v. Jumat bin Mahmud & Anor.* (rujukan di atas):

The sole question in the present case is a question of causation. In my judgment it cannot be said that the particular teacher carelessly exposed the plaintiff to injury of the class or type that could reasonably have been foreseen. If the injury which resulted was injury by the sharp end of a pencil, then for the appellants to be liable they must have foreseen injury by the sharp end of a pencil. A pencil is not a dangerous article. All pupils use pencils in classrooms. Indeed the trial Judge accepted appellants' contention that to say that there was a duty by them to instruct each and every pupil on the proper use of a pencil

a was to stretch things to a ridiculous extent. Again, assuming the injury to the plaintiff's eye was in fact caused by a wrongful act of the teacher - for not being attentive in class all the time - it cannot be said that it was reasonably foreseeable that the injury of this class or character was a reasonably foreseeable result of such a wrongful act. In my opinion, I cannot conclude as a matter of evidence and inference that more probably than not constant vigilance in the classroom would have prevented the injury which the plaintiff in fact received. ...

b Di atas sebab-sebab yang telah dinyatakan saya berpendapat plaintif tanpa mengambilkira keterangan defendan telah gagal membuktikan defendan pertama telah cuai untuk menyelia darjah tersebut.

Sekiranya, keterangan defendan diambilkira ini lebih menyulitkan kes plaintif. Di dalam keterangannya defendan pertama menyatakan sebelum lagu muzik "Gerabak
c Keretapi" dan murid-murid dikehendaki bergerak mengikut muzik dia telah mengarahkan murid-murid untuk memasukkan kerusi-kerusi di bawah meja. Kemudian dia telah meminta murid-murid untuk berbaris di belakang bilik darjah dan memberitahu bagaimana gerakan mengikut muzik patut dilakukan. Dia juga mengingatkan murid supaya jangan tolak-menolak, berlari ataupun keluar daripada barisan. Selepas membuat arahan tersebut defendan pertama memainkan muzik lagu "Gerabak
d Keretapi" dan murid-murid mula bergerak keliling bilik darjah pada-mulanya tetapi semakin lama menjadi rancak. Semasa berbaris murid-murid dikehendaki memegang bahu murid di hadapan. Di dalam pusingan pertama defendan pertama telah nampak plaintif pertama keluar dari barisan dan berlari. Dia telah menegur plaintif supaya jangan berlari-lari nanti terjatuh. Apabila barisan murid-murid sampai di belakang bilik darjah setelah melakukan satu pusingan defendan pertama nampak plaintif
e pertama cuba masuk ke barisan dan semasa itu ia jatuh. Selepas itu apa yang dinyatakan oleh plaintif pertama diakui oleh defendan pertama.

Plaintif telah berhujah mengatakan bahawa defendan pertama telah cuai kerana tidak ada memberi apa-apa arahan sebagaimana yang dinyatakan oleh plaintif pertama. Dengan itu jelas ada pertelingkahan keterangan defendan pertama dengan plaintif
f pertama. Keterangan siapakah yang patut diambilkira? Yang jelas kepada saya semasa kejadian ini berlaku plaintif pertama baru berumur tujuh tahun dan kejadian ini berlaku sembilan tahun yang lalu. Saya mengambilkira ingatan seorang kanak-kanak pada kebiasaannya. Di dalam keterangan beliau sendiri ada menunjukkan ia telah lupa insiden yang berlaku. Dia menyatakan yang dia berada di hospital selama dua malam padahal ibu dan bapanya yang telah memberikan keterangan menyatakan yang
g plaintif pertama berada di hospital selama satu malam sahaja. Dengan itu pada pendapat saya plaintif pertama tidak ingat arahan-arahan yang dibuat oleh defendan pertama ataupun ia tidak mendengar arahan-arahan yang telah diberikan oleh defendan pertama kerana kegairahannya mengambil bahagian dalam kelas muzik.

Di atas sebab-sebab yang dinyatakan saya berpendapat bahawa "on the balance of
h probabilities" defendan pertama telahpun memberikan arahan yang sewajarnya. Dengan itu plaintif telah gagal membuktikan yang defendan pertama telah cuai. Dengan itu saya menolak tuntutan plaintif. Kos kepada defendan.

i